

Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang berkaitan dengan Ciri dan Manfaat yang terdapat di bawah CIMB Octo Debit Mastercard dan Akaun Simpanan-i CIMB OctoSavers

Ciri dan manfaat yang terdapat di bawah “CIMB Octo Debit Mastercard” (“**Kad Debit Octo**”) dan “Akaun Simpanan-i CIMB OctoSavers” (“**Akaun-i OctoSavers**”) ditubuhkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (“**CIMB**”) dan adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini dan mesti dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat semasa CIMB Debit Mastercard (“**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Debit Mastercard**”) dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Akaun Simpanan-i CIMB (“**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Akaun Simpanan-i**”).

Ungkapan yang digunakan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini jika tidak ditakrifkan secara khusus, hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Debit Mastercard dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Akaun Simpanan-i. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Debit Mastercard dan/atau Terma-Terma dan Syarat-Syarat Akaun Simpanan-i, terma-terma dan syarat-syarat ini yang mengawal ciri dan manfaat akan diguna pakai setakat yang ianya terpakai kepada Kad Debit Octo dan Akaun-i OctoSavers.

A. Ciri-Ciri Kad Debit Octo

1. Kad Debit Octo yang baru dikeluarkan akan dihantar melalui pos ke alamat surat-menyurat pemegang akaun Akaun-i OctoSavers (“**pemegang Akaun**”) yang dinyatakan dalam permohonannya. Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk memberikan alamat surat-menyurat yang tepat di Malaysia kepada CIMB, untuk memastikan supaya Kad Debit Octo yang baru dikeluarkan dapat dihantar dengan selamat.
2. Bagi pemegang Akaun yang memohon Akaun-i OctoSavers menerusi aplikasi CIMB Apply, Kad Debit Octo tersebut mesti diaktifkan terlebih dahulu sebelum pemegang Akaun dapat mengakses dan mengendalikan Akaun-i OctoSavers. Walau bagaimanapun, ini tidak terpakai kepada pemegang Akaun yang memohon melalui CIMB Clicks. Bagi Pemegang Akaun yang memohon melalui CIMB Clicks, Kad Debit Octo mungkin tidak akan dikeluarkan dan Kad Debit yang sedia ada boleh dipautkan dengan Akaun-i OctoSavers melalui CIMB Clicks.
3. Pemegang Akaun mesti menandatangani panel tandatangan di belakang Kad Debit Octo. Pengaktifan Kad Debit Octo mesti dilakukan dengan menetapkan suatu PIN 6-angka Kad Debit Octo kali pertama menerusi CIMB Clicks sahaja (“**Pengaktifan Kad**”).
4. Kad Debit Octo yang hilang atau dicuri mesti dilaporkan oleh pemegang Akaun kepada CIMB di mana-mana cawangan CIMB di Malaysia dan/atau kepada Pusat Panggilan Pelanggan CIMB. Sekiranya CIMB memutuskan untuk mengeluarkan kad gantian kepada pemegang Akaun, CIMB akan menghantarkan kad gantian tersebut kepada alamat surat-menyurat pemegang Akaun yang dikekalkan dalam rekod CIMB. Apabila menerimanya, pemegang Akaun akan dikehendaki mengulangi proses Pengaktifan Kad pada Kad Debit Octo gantian selaras dengan Klausula 3 di atas.
5. Kad Debit Octo adalah sah sehingga tarikh luput yang tertera pada kad. CIMB akan mengeluarkan suatu Kad Debit Octo baru kepada pemegang Akaun tidak lebih daripada dua (2) bulan sebelum tarikh luputnya. Kad Debit Octo yang baru dikeluarkan akan dihantarkan ke alamat surat-menyurat pemegang Akaun yang dikekalkan dalam rekod CIMB.
6. Pemegang Akaun mesti memastikan bahawa beliau mengemaskini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan pada alamat surat-menyurat beliau dan untuk memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada CIMB adalah benar, tepat dan lengkap. Pemegang Akaun bersetuju untuk bertanggungjawab atas semua kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh kegagalan oleh pemegang Akaun berkenaan tanggungjawab ini dan/atau disebabkan oleh sebarang salah nyata dan/atau maklumat palsu yang diberikan oleh pemegang Akaun dalam membuka Akaun-i OctoSavers dan mengaktifkan Kad Debit Octo.

B. Ciri dan Manfaat Kad Debit Octo dan Akaun-i OctoSavers

7. Ciri OctoChallenge, OctoRewards dan OctoMissions yang dinyatakan dalam Klausa-Klausa 9 – 17 mesti diakses menerusi log masuk ke aplikasi CIMB Clicks. Ciri tersebut hanya akan diaktifkan dan dipaparkan di aplikasi CIMB Clicks sehingga 1 hari kalendar selepas pemegang Akaun berjaya mengaktifkan Kad Debit Octo (“Pengaktifan Kad”) dan log masuk ke CIMB Clicks.
8. Akaun-i OctoSavers adalah berdasarkan konsep Tawarruq dan tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Akaun Simpanan-i. Pemegang Akaun akan menikmati kadar keuntungan di bawah berhubung dengan Akaun-i OctoSavers :-

Baki Purata Bulanan** (RM)	Keuntungan* (setiap tahun)
RM3,000 pertama	0.00%
RM3,000 ke atas	0.30%

*Keuntungan akan dikira berdasarkan Baki Purata Bulanan dan dibayar kepada pemegang Akaun pada bulan berikutnya

** Baki Purata Bulanan (MAB) ditakrifkan seperti yang berikut: -

Baki Purata Bulanan (MAB)	$\frac{\text{Jumlah baki harian untuk bulan tersebut}}{\text{Bilangan hari untuk bulan tersebut}}$ <p>contoh: untuk bulan Januari, MAB dikira seperti yang berikut: -</p> $\frac{\text{Jumlah baki harian untuk bulan Januari}}{31 \text{ hari}}$
----------------------------------	--

9. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini, pemegang Akaun boleh memperoleh OctoPoints dengan cara berikut untuk menebus manfaat di bawah Akaun-i OctoSavers:-

i. OctoChallenge

Cabaran	Transaksi Bulanan	OctoPoints** (#)
1	Memenuhi Baki Purata Bulanan (MAB) sebanyak RM3,000¹	50
2	Melakukan Pemindahan Dana 5X² Transaksi dengan nilai jumlah minimum seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB* (RM) setiap transaksi	20
3	Melakukan Transaksi Kad Debit 5X³ Transaksi dengan nilai jumlah minimum seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB* (RM) setiap transaksi dengan menggunakan Kad Debit Octo	30
4	Melakukan Transaksi DuitNow 5X⁴ Transaksi dengan nilai jumlah minimum seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB* (RM) setiap transaksi	20
5	Melakukan Bayaran Bil 3X⁵ Transaksi dengan nilai jumlah minimum seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB* (RM) setiap transaksi	30
	JUMLAH	150

- Hanya Transaksi Bulanan yang dilakukan dalam bulan kalendar yang sama akan diambil kira dalam penentuan bilangan Cabaran yang dilakukan oleh seseorang pemegang Akaun pada bulan tersebut.
- Pemegang Akaun boleh memperoleh sehingga maksimum 150 OctoPoints sahaja setiap bulan kalendar. OctoPoints berlebihan tidak boleh dibawa ke hadapan ke bulan berikutnya.

- OctoPoints yang diperoleh dari Cabaran 1 akan dikreditkan ke dalam Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun pada hari ke-5 bulan berikutnya.
- OctoPoints yang diperoleh dari Cabaran 2 hingga 5 akan dikreditkan ke dalam Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun dalam bulan yang sama setelah pemegang Akaun berjaya melakukan jumlah Transaksi Bulanan yang diperlukan pada bulan tersebut selaras dengan jadual di atas.
- * Jumlah minimum yang diperlukan untuk setiap transaksi untuk setiap Cabaran akan dipaparkan di aplikasi CIMB Clicks.
- ** CIMB merizabkan hak untuk meminda jumlah OctoPoints yang boleh diperoleh oleh pemegang Akaun dari semasa ke semasa. Sebarang variasi jumlah OctoPoints yang diberikan untuk setiap Cabaran akan disampaikan kepada pemegang Akaun di aplikasi CIMB Clicks.

Nota:

1. 'Baki Purata Bulanan' hendaklah mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 8.
2. 'Pemindahan Dana' hendaklah bermaksud satu pemindahan dana yang berjaya dari Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun ke mana-mana akaun lain yang dibuat melalui CIMB Clicks dan/atau mesin ATM. Ia hendaklah termasuk dana yang dipindahkan dari Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun kepada mana-mana:
 - i. Akaun dalam CIMB; dan/atau
 - ii. Akaun di bank lain melalui GIRO Antara Bank (IBG); dan/atau
 - iii. Akaun di bank lain melalui Pindahan Segera (IBFT).
3. 'Transaksi Kad Debit' hendaklah bermaksud:
 - i. pembayaran/transaksi runcit yang berjaya dilakukan di mana-mana terminal jualan (POS) peruncit atau peniaga; dan/atau
 - ii. pembelian/transaksi yang berjaya dibuat dalam talian di dalam dan/atau di luar negara.
4. 'Transaksi DuitNow' hendaklah bermaksud transaksi DuitNow keluar yang berjaya dilakukan melalui CIMB Clicks.
5. 'Bayaran Bil' hendaklah bermaksud:
 - i. bayaran bil yang dibuat melalui CIMB Clicks (termasuk JomPay, AutoDebit, Arahan Tetap) menggunakan Akaun-i OctoSavers dan/atau Kad Debit Octo pemegang Akaun; dan/atau
 - ii. bayaran bil yang dibuat melalui mesin ATM menggunakan Akaun-i OctoSavers dan/atau Kad Debit Octo pemegang Akaun.

Ilustrasi pemberian OctoPoints dari OctoChallenge adalah seperti yang ditetapkan di bawah:

Pemegang Akaun A							
Cabaran	Tarikh Pembayaran/Transaksi pada Oktober 2020					Catatan	Jumlah OctoPoints yang diperoleh
Cabaran 1	31 Okt 2020: Baki Purata Bulanan (MAB) sebanyak RM3,322.58 RM5,000 (Hari 1 sehingga 8) setiap hari + RM2,500 (Hari 9 sehingga 20) + RM3,000 (Hari 21 - 31) = RM103,000 / 31 hari pada Okt = <u>RM3,322.58</u>					Memenuhi kriteria minimum RM3,000 MAB	50 (Kredit ke akaun menjelang 5 ^{hb} Nov 2020)
Cabaran 2	10 Okt 2020: Pemindahan Dana	11 Okt 2020: Pemindahan Dana	28 Okt 2020: Peminda han Dana	29 Okt 2020: Pemindah an Dana	31 Okt 2020: Pemindaha n Dana	Memenuhi kriteria Pemindahan Dana 5X	20 (Kredit ke akaun pada 31 Okt 2020)

	sebanyak RM100 (transaksi layak)	sebanyak RM100 (transaksi layak)	sebanyak RM1,000 (transaksi layak)	sebanyak RM200 (transaksi layak)	sebanyak RM100 (transaksi layak)	minimum RM100 setiap transaksi	selepas penyelesaian transaksi layak ke-5)
Cabaran 3	5 Okt 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM30 (transaksi layak)	21 Okt 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM50 (transaksi layak)	28 Okt 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM10 (transaksi tidak layak – di bawah minimum RM30 setiap transaksi)			Melakukan Transaksi Kad Debit layak 2X. Tidak memenuhi kriteria Transaksi Kad Debit 5X minimum RM30 setiap transaksi	0
Cabaran 4	2 Okt 2020: DuitNow keluar sebanyak RM30 (transaksi layak)	14 Okt 2020: DuitNow keluar sebanyak RM80 (transaksi layak)	15 Okt 2020: DuitNow keluar sebanyak RM70 (transaksi layak)	20 Okt 2020: DuitNow keluar sebanyak RM25 (transaksi layak)	25 Okt 2020: DuitNow keluar sebanyak RM20 (transaksi layak)	Memenuhi kriteria Transaksi DuitNow 5X minimum RM20 setiap transaksi	20 (Kredit ke akaun pada 25 Okt 2020 selepas penyelesaian transaksi layak ke-5)
Cabaran 5	3 Okt 2020: Bayaran Bil sebanyak RM30 (transaksi tidak layak – di bawah minimum RM50 setiap transaksi)	2 Nov 2020: Bayaran Bil sebanyak RM100 (transaksi tidak layak – bayaran bil mesti dibuat dalam bulan kalendar yang sama)				Tidak memenuhi sebarang kriteria pada Oktober 2020 untuk memperoleh OctoPoints di bawah Cabaran 5 untuk bulan Oktober 2020	0
Jumlah Mata yang diperoleh pada Oktober 2020							90

Pemegang Akaun B					
Cabaran	Tarikh Pembayaran/Transaksi pada November 2020			Catatan	Jumlah OctoPoints yang diperoleh
Cabaran 1	30 Okt 2020: Baki Purata Bulanan (MAB) sebanyak RM2,080 RM1,200 (Hari 1 sehingga 12) setiap hari + RM4,000 (Hari 13 sehingga 18) + RM2,000 (Hari 19 - 30) = RM62,400 / 30 hari pada Nov = RM2,080			Tidak memenuhi kriteria minimum RM3,000 MAB	0
Cabaran 2	10 Nov 2020: Pemindahan Dana	11 Nov 2020: Pemindahan Dana	28 Nov 2020: Pemindahan Dana	Melakukan Pemindahan Dana layak 2X. Tidak memenuhi kriteria	0

	sebanyak RM80 (bukan transaksi layak - di bawah minimum RM100 setiap transaksi)	sebanyak RM100 (transaksi layak)	sebanyak RM500 (transaksi layak)			Pemindahan Dana 5X minimum RM100 setiap transaksi	
Cabaran 3	8 Nov 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM60 (transaksi layak)	9 Nov 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM200 (transaksi layak)	15 Nov 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM500 (transaksi layak)	20 Nov 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM30 (transaksi layak)	21 Nov 2020: Transaksi Kad Debit sebanyak RM180 (transaksi layak)	Memenuhi kriteria Transaksi Kad Debit 5X minimum RM30 setiap transaksi	30 (Kredit ke akaun pada 21 Nov 2020 selepas penyelesaian transaksi layak ke-5)
Cabaran 4	2 Nov 2020: DuitNow keluar sebanyak RM20 (transaksi layak)	14 Nov 2020: DuitNow keluar sebanyak RM50 (transaksi layak)	15 Nov 2020: DuitNow keluar sebanyak RM10 (bukan transaksi layak - di bawah minimum RM20 setiap transaksi)	15 Nov 2020: DuitNow keluar sebanyak RM15 (bukan transaksi layak - di bawah minimum RM20 setiap transaksi)		Melakukan Transaksi DuitNow layak 2X. Tidak memenuhi kriteria Transaksi DuitNow 5X minimum RM20 setiap transaksi	0
Cabaran 5	4 Nov 2020: Bayaran Bil sebanyak RM30 (bukan transaksi layak - di bawah minimum RM50 setiap transaksi)	5 Nov 2020: Bayaran Bil sebanyak RM50 (transaksi layak)	5 Nov 2020: Bayaran Bil sebanyak RM250 (transaksi layak)	6 Nov 2020: Bayaran Bil sebanyak RM100 (transaksi layak)		Memenuhi kriteria Bayaran Bil 3X minimum RM50 setiap transaksi	30 (Kredit ke akaun pada 6 Nov 2020 selepas penyelesaian transaksi layak ke-3)
Jumlah Mata yang diperolehi pada November 2020							60

ii. OctoRewards

10. OctoPoints yang diperoleh dari OctoChallenge yang dinyatakan dalam Klausula 9 dapat dilihat oleh pemegang Akaun melalui aplikasi CIMB Clicks dan boleh digunakan untuk menebus e-baucar melalui aplikasi CIMB Clicks. E-baucar mesti sama ada dikemukakan di kedai peniaga penyertaan atau kodnya dimasukkan di platform dalam talian penyertaan untuk tujuan penebusan. Senarai peniaga dan/atau platform dalam talian penyertaan akan disediakan untuk pemegang Akaun di aplikasi/laman web CIMB Clicks.
11. E-baucar tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedia ada peniaga dan/atau platform dalam talian penyertaan.
12. OctoPoints CIMB hanya boleh digunakan untuk menebus OctoRewards yang disediakan di bawah Akaun-i OctoSavers dan tidak boleh digabungkan dengan Mata Bonus Kad Kredit CIMB dan/atau Mata Bonus Perbankan CIMB. OctoPoints yang diperoleh oleh pemegang Akaun tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan tunai atau hadiah atau ganjaran berbeza yang mempunyai nilai setara atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
13. OctoPoints yang diperoleh dalam mana-mana bulan kalendar tertentu adalah sah sehingga dua (2) tahun kalendar dari tarikh pengkreditan ke dalam Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun. OctoPoints yang terkumpul akan luput pada hari terakhir bulan kalendar selepas tempoh sah dua (2) tahun yang disebutkan di atas. OctoPoints yang luput tidak boleh dibawa ke hadapan ke bulan berikutnya dalam apa jua keadaan melainkan diperuntukkan sebaliknya oleh CIMB.
14. Sekiranya pemegang Akaun menggunakan OctoPoints beliau untuk menebus e-baucar dengan peniaga penyertaan, e-baucar akan dikawal selia oleh terma-terma dan syarat-syarat e-baucar sebagaimana yang boleh dikenakan oleh peniaga penyertaan masing-masing (termasuk tetapi tidak terhad kepada tempoh sahnya). CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap peluputan mana-mana e-baucar yang belum ditebus. Sebarang pertikaian yang timbul di antara peniaga penyertaan dan pemegang Akaun yang berkaitan dengan e-baucar hendaklah diselesaikan di antara peniaga penyertaan dan pemegang Akaun tanpa melibatkan CIMB. CIMB boleh secara automatik melucut hak OctoPoints yang telah luput tanpa perlu memberi sebarang notis lanjut kepada pemegang Akaun. Sebarang permintaan oleh pemegang Akaun untuk menggunakan OctoPoints yang tidak digunakan selepas tarikh luputnya tidak akan dilayan oleh CIMB.

iii. OctoMissions

15. CIMB boleh dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggalnya memberi peluang kepada pemegang Akaun untuk memperoleh OctoPoints tambahan dengan menjemput pemegang Akaun untuk bermain misi yang ditentukan ("**OctoMissions**") yang akan disediakan melalui aplikasi CIMB Clicks. Mekanik setiap misi akan ditentukan oleh CIMB seperti yang ia fikirkan sesuai dari semasa ke semasa.
16. Bilangan OctoPoints yang diberikan untuk setiap OctoMissions akan berbeza bergantung pada mekanik setiap misi. Bilangan OctoPoints yang diberikan kepada pemegang Akaun berdasarkan penyertaan mereka dalam OctoMissions akan dianggap sebagai muktamad, mengikat dan konklusif terhadap pemegang Akaun dan penentuan oleh CIMB mengenai jumlah OctoPoints yang diberikan adalah konklusif, melainkan di mana terdapat kesilapan nyata.
17. Semua OctoPoints tambahan yang diperoleh dari OctoMissions akan dikumpulkan dan dikreditkan ke Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun dan penebusan dan penggunaan OctoPoints sedemikian akan tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Klausula-Klausula 10-14.

C. Lain-Lain

18. Jika Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun ditutup dan/atau dihentikan, ciri dan manfaat yang ditawarkan di bawah Akaun-i OctoSavers akan tidak lagi tersedia kepada pemegang Akaun dan sebarang OctoPoints dan apa-apa manfaat lain yang diberikan dan/atau diperolehi akan dilucut hakkan.
19. Sebarang manfaat dan/atau keistimewaan serta butiran lanjut berkaitan yang boleh ditawarkan kepada pemegang Akaun di bawah Akaun-i OctoSavers akan disediakan kepada pemegang Akaun melalui e-buletin CIMB, brosur produk, mana-mana platform dalam talian CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada CIMB Clicks dan/atau di laman web CIMB (di www.cimb.com.my) atau melalui mana-mana kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan tertakluk kepada Terma dan Syarat platform dalam talian dan/atau saluran penyertaan. CIMB merizabkan hak untuk mengantungkan dan memperuntukkan OctoPoints yang dikreditkan ke dalam Akaun-i OctoSavers pemegang Akaun sekiranya terdapat sebarang pengkreditan tidak tepat atau silap OctoPoints dan untuk selepas itu membalikkan dan mengeluarkan sepenuhnya atau sebahagian OctoPoints yang dikreditkan secara tidak tepat atau silap, setelah memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada pemegang Akaun.
20. (a) CIMB merizabkan hak dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya bagaimana jua) ("**Pindaan**") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini. Pemberitahuan kepada pemegang Akaun berhubungan dengan Pindaan tersebut akan dilakukan atas budi bicara mutlak CIMB melalui salah satu cara komunikasi berikut, iaitu melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan cawangan CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan Pindaan tersebut boleh diberikan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada pemegang Akaun atas permintaan; atau dengan melaksanakan suatu iklan berkenaan Pindaan tersebut di salah satu surat khabar pilihan CIMB atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

(b) Pindaan tersebut akan dianggap sebagai mengikat pemegang Akaun dari tarikh luput dua puluh satu (21) hari kalendar seperti yang dinyatakan di Klausa 24(a) di atas. Pemegang Akaun mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat ini dan untuk memastikan mereka sentiasa mengetahui sebarang perubahan atau variasi pada terma-terma dan syarat-syarat ini. Sekiranya pemegang Akaun tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut, pemegang Akaun boleh menamatkan Akaun-i OctoSaversnya selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Akaun Simpanan-i.
21. Sebarang Pindaan yang dibuat oleh CIMB selaras dengan Klausa 24 di atas tidak akan melayakkan mana-mana pemegang Akaun untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap dan/atau dari CIMB untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pemegang Akaun atau mana-mana pihak ketiga sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan sedemikian melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuai melampau CIMB.
22. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan sebarang bahan promosi lain yang mengiklankan Kad Debit Octo dan Akaun-i OctoSavers, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan sedemikian.
23. Untuk maklum balas dan/atau aduan dan/atau pertanyaan dan/atau pemberitahuan berkenaan dengan Akaun-i OctoSavers dan/atau Kad Debit Octo, pemegang Akaun boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. No. Pusat Panggilan: +603 6204 7788, No. Faks: +603 2691 3248, Emel: CRU@cimb.com.